

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 8 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Komersialkan ciptaan tempatan	Harian Metro
2.	MOSTI komited bantu pengusaha desa komersilkan produk inovasi	BERNAMA
3.	More attractions at National Planetarium	New Straits Times
4.	Danger confirmed	New Straits Times
5.	RMA hubungkan industri, universiti	Utusan Malaysia
6.	Jerebu: Tiada kawasan direkod tidak sihat setakat 8 malam	BERNAMA
7.	Keadaan jerebu semakin pulih	Sinar Harian
8.	Haze situation shows general improvement	The Star
9.	Relief as monsoon winds blow haze away	New Straits Times
10.	Operasi pembenihan awan ditangguhkan	Harian Metro
11.	Operasi pembenihan awan ditangguhkan hari ini – MetMalaysia	BERNAMA
12.	Jarak penglihatan kurang daripada 3 KM di perairan beberapa negeri sehingga Rabu	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40 A**  
**TARIKH:08 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

## Komersialkan ciptaan tempatan

**Pasir Gudang:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menyasarkan untuk mengkomersialkan lebih banyak produk ciptaan anak tempatan menerusi geran inovasi sosial RM30 juta mulai tahun depan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, dana itu mampu memperkenalkan produk tempatan, terutama ciptaan penduduk desa.

Beliau berkata, menerusi geran RM13 juta yang diterima sebelum ini, kementerian berkenaan sudah membelanjakan RM9.4 juta membabitkan 94 projek hingga Ogos lalu.

Menurutnya, bukan seta-

kat bantuan dana, ia juga membabitkan jalinan kerjasama antara pengasas produk bersama agensi berkaitan bagi memantapkan pengeluaran hingga ke pemasaran.

Katanya, dana diberikan secara geran kepada pemohon yang mahu mengkomersialkan produk inovasi iaitu dengan jumlah maksimum RM100,000.

"Kementerian memperkenankan program Inovasi Sosial sebagai usaha mempergiatkan pengkomersialan produk inovasi di peringkat akar umbi. Ia juga membolehkan kementerian mencaip sasaran untuk mengkomersialkan kira-kira 360

produk inovasi hingga 2020.

"Sebanyak 60 produk inovasi berjaya dikomersialkan pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Karnival Inovasi, Kerjaya dan Keusahawanan 2015 Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan Mohd Hatta Zainal.

Abu Bakar berkata, hingga 31 Ogos lalu di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), kerajaan membelanjakan RM980 juta bagi tujuan kajian dan penyelidikan untuk mencipta produk inovasi.



*DR Abu Bakar (tengah) menyampaikan piala kejuaraan kepada wakil Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Nur Hanim Mohamad Nor diperhatikan Mohd Hatta (dua dari kiri).*



## Mosti Komited Bantu Pengusaha Desa Komersilkan Produk Inovasi

JOHOR BAHRU, 7 Okt (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) komited membantu pengusaha desa untuk mengkomersilkan produk inovasi mereka menerusi Program Inovasi Sosial.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kementerian menerima peruntukan RM30 juta daripada kerajaan bagi mengembangkan Program Inovasi Sosial dan sebanyak RM13 juta telah dibelanjakan tahun ini.

"Ramai pengusaha desa menghasilkan produk inovasi, namun mereka berdepan halangan termasuk kewangan untuk mengkomersilkannya.

"Sehubungan itu, Mosti bantu mereka dengan memberi geran maksimum RM100,000 seorang. Menerusi geran itu, kita akan bantu mereka dari awal termasuk pensijilan, ujian produk, pembungkusan sehingga produk yang dihasilkan itu masuk ke pasaran, sekali gus menjadikan mereka usahawan," katanya.

Abu Bakar berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Karnival Inovasi, Kerjaya dan Keusahawanan 2015 Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) di sini, hari ini.

Menerusi Program Inovasi Sosial itu, Mosti berharap dapat mencapai sasaran 360 produk dikomersilkan Mosti menjelang 2020 seperti yang ditetapkan kerajaan.

"Kita berharap dengan adanya dana berkenaan, kita dapat meningkatkan jumlah produk inovasi yang dikomersilkan terutamanya dalam industri kecil, sekali gus meningkatkan bilangan usahawan yang mampu bersaing di peringkat lebih tinggi," katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

## More attractions at National Planetarium

**KUALA LUMPUR:** The National Planetarium has launched an Exhibition Gallery Development Project to upgrade its space exhibitions to attract more visitors and foster interest in the field.

National Space Agency (Angkasa) director-general Dr Noordin Ahmad said: "The current space exhibition gallery is static, which is why we upgraded the facilities, in the hope that visitors can learn about astronomy and space through an interactive space simulation.

"We want the public to have a great space experience when they visit the planetarium. By introducing new methods and new technologies, we hope to make space fun and interesting for all ages," said Noordin during the soft launch here yesterday.

The upgraded gallery will feature two space simulators

with a mission to Mars; an Aurora show which demonstrates the natural phenomenon that occurs in the North and South Poles; and an augmented reality view of the solar system.

The National Planetarium hopes that through the upgrading of the exhibition gallery, it will see a 20 per cent increase of out of 200,000 visitors annually.

The project is expected to start in December and will continue until August next year, where it will be open to the public free of charge.

Before the ceremony, astrophysicist Mazlan Othman gave an in-depth talk on Mars and space exploration, following an announcement on the discovery of water on the red planet by the United States' National Aeronautics and Space Administration last week.

